



Empat Penyelidik Wanita UniMAP Cemerlang di KIWIE 2014

Empat penyelidik wanita telah menempa nama di Korea Selatan dengan memenangi 3 pingat emas dan 3 pingat perak dalam pameran Korea International Women's Invention Exposition (KIWIE 2014). Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan, Aimi Noorliyana Hashim berjaya meraih anugerah khas iaitu KIWIE Special Price yang diberi oleh Korea Intellectual Property Office (KIPO) menerusi produknya yang meraih pingat emas, *Eco Slag Cement*. Aimi Noorliyana turut menyumbangkan satu pingat perak menerusi produk penyelidikan *EcOdor Buster*.

Dua lagi pingat emas disumbangkan oleh Pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Noorina Hidayu Jamil, melalui inovasinya *AgriGlas: From Agricultural Waste To Glass & Ceramic Product* serta Penyelidik CEGeoGTech, Sharifah Zaliha Syed Zubir menerusi produk *Geopolymerization Method for Soil Stabilization Application*. Sharifah Zaliha juga menyumbangkan pingat perak bagi hasil penyelidikannya *Anti*



Radiation Geopolymer Composite. Seorang lagi penyelidik CEGeoGTech yang menyumbangkan pingat perak ialah Romisuhani Ahmad yang membentangkan hasil penyelidikan pengajian Ijazah Doktor Falsafah beliau iaitu *A Novel Geopolymer Ceramic*.